LHDN MALAYSIA

BSH 2019

# BORANG PERMOHONAN BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019



NOTA PENERANGAN

## NOTA PENERANGAN BORANG PERMOHONAN BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019

1. Nota ini bertujuan membantu pemohon mengisi Borang Permohonan BSH 2019.
2. Borang Permohonan boleh dimuat turun atau diisi secara dalam talian di Portal Rasmi BSH Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), https://bsh.hasil.gov.my. Penghantaran **secara faks dan e-mel adalah TIDAK DITERIMA.**
3. Semua ruangan yang berkaitan perlu diisi dengan **HURUF BESAR** dengan menggunakan pen mata bulat berdakwat hitam atau biru.
4. Maklumat perlu diisi dalam Bahasa Malaysia.
5. Maklumat permohonan yang dilaporkan adalah sah bagi tempoh 2 tahun dari tarikh permohonan ini.

## KATEGORI

Isikan pada kotak di atas Bahagian A berdasarkan status perkahwinan pemohon pada tempoh permohonan BSH tahun 2019;

i. '1' jika status Kahwin.
ii. '2' jika status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda dan mempunyai anak.
iii. '3' untuk Individu Berumur 60 tahun ke atas.

## BAHAGIAN BORANG

Borang Permohonan BSH 2019 mempunyai enam (6) bahagian yang terdiri daripada:

i. Bahagian A: Maklumat Pemohon
ii. Bahagian B: Maklumat Pasangan
iii. Bahagian C: Maklumat Anak
iv. Bahagian D: Maklumat Bank Pemohon (Akaun Persendirian)
v. Bahagian E: Maklumat Waris
vi. Bahagian F: Perakuan Pemohon

| MAKLUMAT PERMOHONAN | | |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN A:** | | **MAKLUMAT PEMOHON** |
| A1 | Nama | Isikan nama seperti di MyKAD. Ruangan ini perlu diisi. |
| A2 | No. MyKAD | Isikan Nombor MyKAD seperti di MyKAD. Ruangan ini perlu diisi. |
| A3 | Umur | Isikan umur pada tahun 2019. Ruangan ini perlu diisi. |
| A4 | Jantina | Isikan ‘1’ untuk lelaki atau ‘2’ untuk perempuan. Ruangan ini perlu diisi. |
| A5 | No. Telefon Rumah | Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi BSH sahaja. |
| A6 | No. Telefon Bimbit | Pastikan Nombor Telefon Bimbit yang diisi adalah milik pemohon sendiri dan aktif serta masih boleh dihubungi. Nombor Telefon Bimbit ini hanya untuk kegunaan penyaluran maklumat kepada pemohon.<br>**Nota:**<br>i. Nombor Telefon Bimbit wajib diisi semasa pengemukaan secara dalam talian.<br>ii. Nombor Telefon Bimbit yang didaftarkan akan digunakan semasa proses semakan dan kemas kini Permohonan BSH 2019 secara dalam talian.<br>*Transaction Authorization Code* (TAC) akan dihantar ke Nombor Telefon Bimbit yang didaftarkan. Jika Nombor Telefon Bimbit yang diisi adalah milik individu berlainan, individu berkenaan dan pemohon akan dipertanggungjawabkan ke atas semua maklumat permohonan BSH. |
| A7 | Pendapatan Kasar Bulanan | Isikan:<br>i. ‘1’ jika julat pendapatan adalah RM0 - RM1,000<br>ii. ‘2’ jika julat pendapatan adalah RM1,001 – RM2,000<br>iii. ‘3’ jika julat pendapatan adalah RM2,001 – RM3,000<br>iv. ‘4’ jika julat pendapatan adalah RMRM3,001 – RM4,000 |
| A8 | Alamat Surat-menyurat | Pastikan maklumat ini adalah lengkap dan betul bagi memastikan penyerahan surat makluman sampai kepada pemohon. |

| BAHAGIAN B: | | MAKLUMAT PASANGAN |
|---|---|---|
| B1 | Status Perkahwinan | Pastikan status perkahwinan pemohon yang diisi adalah pada tempoh permohonan BSH tahun 2019.<br><br>Isikan:<br>i. '1' jika status Kahwin, pemohon perlu mengisi ruangan B2 sehingga B8 dan B11 maklumat pasangan.<br>ii. '2' jika status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda, pemohon perlu mengisi ruangan B9 dan B10.<br>iii. '2' jika hanya mempunyai anak tidak sah taraf, pemohon tidak perlu mengisi ruangan Bahagian B.<br>iv. '3' jika pemohon adalah warga emas sebatang kara dan berumur 60 tahun ke atas, pemohon perlu mengisi ruangan B1 sahaja. |
| B2 | Nama | Isikan nama seperti dokumen rasmi pengenalan (MyKAD / MyPR / MyKAS / Pasport / UNHCR / Pas Sempadan). |
| B3 | No. MyKAD / MyPR / MyKAS | Isikan Nombor MyKAD / MyPR / MyKAS seperti di MyKAD / MyPR / MyKAS. |
| B4 | No. KP Lama / Sijil Lahir | Isikan Nombor KP Lama / Sijil Lahir seperti di KP Lama / Sijil Lahir jika tidak mempunyai dokumen pengenalan B3. |
| B5 | No. Pasport | Isikan Nombor Pasport seperti di Pasport jika tidak mempunyai dokumen pengenalan B3 dan B4. |
| B6 | Jantina | Isikan '1' untuk Lelaki atau '2' untuk Perempuan. |
| B7 | Negara Asal | Jika B5 diisi, isikan Negara Asal pasangan yang Bukan Warganegara Malaysia. |
| B8 | Tarikh Perkahwinan | Isikan tarikh perkahwinan mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.<br>Tarikh perkahwinan adalah merujuk kepada tarikh perkahwinan yang didaftarkan di Jabatan pendaftaran Negara / Jabatan Agama Islam Negeri. |
| B9 | Status Perceraian / Kematian Pasangan | Isikan '1' untuk Perceraian atau '2' untuk Kematian Pasangan. |
| B10 | Tarikh Perceraian / Kematian Pasangan | Isikan tarikh Perceraian / Kematian Pasangan mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.<br><br>Tarikh perceraian adalah merujuk kepada tarikh perceraian yang didaftarkan di Jabatan pendaftaran Negara / Jabatan Agama Islam Negeri atau Dekri Nisi Mutlak yang dikeluarkan oleh Mahkamah. |

| | | |
|---|---|---|
| | | Tarikh Kematian Pasangan adalah merujuk kepada tarikh Kematian Pasangan yang didaftarkan di Jabatan pendaftaran Negara. |
| B11 | Pendapatan Kasar Bulanan | Isikan:<br>i. ‘1’ jika julat pendapatan adalah RM0 - RM1,000<br>ii. ‘2’ jika julat pendapatan adalah RM1,001 – RM2,000<br>iii. ‘3’ jika julat pendapatan adalah RM2,001 – RM3,000<br>iv. ‘4’ jika julat pendapatan adalah RM3,001 – RM4,000 |

| | | |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN C:** | | **MAKLUMAT ANAK** |
| C1-C4 | Nama | Isikan nama seperti dokumen pengenalan (MyKAD / MyKID). |
| | No. MyKAD / MyKID | Isikan Nombor MyKAD / MyKID seperti di MyKAD / MyKID.<br>Jika pemohon kemukakan Sijil Lahir, Nombor MyKID yang perlu didaftarkan merujuk kepada Lampiran 1. |
| | Umur | Isikan umur pada tahun 2019. |
| | Status | Isikan ‘1’ untuk Anak Kandung atau ‘2’ untuk Anak Angkat.<br>Pemohon perlu kemukakan Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat bagi pembuktian hubungan pertalian. |
| **BAHAGIAN D:** | | **MAKLUMAT BANK PEMOHON (Akaun Persendirian)** |
| D1 | Nama Bank | Ruangan ini tidak mandatori.<br>Bagi tujuan pengkreditan bayaran BSH 2019, isikan:<br>i. Nama dan nombor akaun bank isteri jika pemohon dan pasangan adalah warganegara.<br>ii. Nama dan nombor akaun bank pemohon jika pasangan adalah bukan warganegara / Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda / Warga Emas Sebatang Kara.<br>**Nota:**<br>Jika tiada maklumat akaun bank, akaun tidak sah atau pindahan tidak berjaya dilaksanakan, pembayaran akan tetap disalurkan ke akaun bank [pemohon / pasangan (isteri)] yang akan dibuka oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) berdasarkan terma dan syarat pembukaan akaun. |
| D2 | No. Akaun Bank | |
| **BAHAGIAN E:** | | **MAKLUMAT WARIS** |
| E1 | Hubungan | Isikan sama ada Pasangan / Ibu / Bapa / Anak / Adik-beradik / Cucu. |
| | Nama | Isikan nama seperti dokumen rasmi pengenalan. |
| | No. MyKAD / MyPR / MyKAS / MyKID / Sijil Lahir / Pasport | Isikan Nombor MyKAD / MyPR / MyKAS / MyKID / Sijil Lahir / Pasport seperti di Nombor MyKAD / MyPR / MyKAS / MyKID / Sijil Lahir / Pasport. |
| | No. Telefon | Pastikan Nombor Telefon yang diisi adalah milik waris yang didaftarkan, aktif serta masih boleh dihubungi. Nombor Telefon ini hanya untuk kegunaan urusan Skim Khairat Kematian (SKK) BSH sahaja. |
| **BAHAGIAN F:** | | **PERAKUAN PEMOHON** |
| | | Isi nama dan nombor MyKAD (seperti di MyKAD) serta tarikh borang permohonan BSH 2019 dihantar yang ditandatangani atau cap jari oleh pemohon. |

<table>
<tr><th colspan="2">UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</th></tr>
<tr><td>Nama Pegawai</td><td rowspan="3">Ruangan ini akan diisi oleh Pegawai LHDNM sahaja.</td></tr>
<tr><td>Tandatangan Pegawai</td></tr>
<tr><td>Tarikh & Cap Terima Cawangan</td></tr>
<tr><th colspan="2">AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN BSH</th></tr>
<tr><td colspan="2">Keratan ini akan diserahkan kepada pemohon yang mengemukakan Borang Permohonan BSH ke kaunter LHDNM.</td></tr>
<tr><td>Nama Pemohon</td><td>Isikan nama seperti di MyKAD.</td></tr>
<tr><td>No. MyKAD Pemohon</td><td>Isi Nombor MyKAD seperti di MyKAD.</td></tr>
<tr><td>Nama Pegawai Penerima</td><td rowspan="2">Ruangan ini akan diisi oleh Pegawai LHDNM sahaja.</td></tr>
<tr><td>Tarikh & Cap Terima Cawangan</td></tr>
</table>

# SIJIL LAHIR ANAK

## No. MyKID – penjuru atas kanan Sijil Lahir Anak

